

NO. SOALAN: 157

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]**

**RUJUKAN : 10404**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan lebih keras terhadap budak-budak yang terjebak dalam masalah dadah serius serta ibu bapa mereka.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mempunyai perancangan dalam menangani masalah dadah di kalangan pelajar sekolah dan universiti dengan mengambil langkah-langkah yang lebih strategik iaitu memberi tumpuan kepada pendekatan pencegahan bersepadu yang memberi tumpuan dengan berasaskan Teori Perkembangan.

Program *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* antara AADK dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan institusi pendidikan telah diperkenalkan dengan mengguna pakai modul integrasi dalam pencegahan.

Program-program pembangunan sumber manusia antara guru, kaunselor sekolah, pegawai pembangunan masyarakat, pegawai AADK, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan NGO berkaitan seperti Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) akan diperkasa. Sebuah Kolokium Pendidikan Pencegahan Kebangsaan juga dirancang bagi membolehkan perkongsian hala tuju pencegahan dilaksanakan. Kolokium ini akan disusuli dengan Bengkel Kemahiran Pendidikan Pencegahan Bersepadu (*Integrated Prevention Education*) di kalangan personalia (*focal point*) yang terlibat dengan kumpulan sasar. Selaras dengan tema Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan (HADK) 2017 iaitu ‘Pencegahan Dadah Bermula Dari Rumah’,

pendekatan melalui penglibatan peranan ibu bapa diperluaskan kepada 2 kumpulan utama iaitu:

- (i) *silent sufferer* (keluarga yang menderita secara sendirian akibat ahli keluarga terlibat dengan dadah dan masalah sosial); dan
- (ii) *parents with vulnerable child* (ibu bapa yang mempunyai anak dengan pelbagai risiko perkembangan diri).

Kerajaan telah melaksanakan kempen-kempen kesedaran bahaya dadah melalui pelbagai media dan memberi fokus kepada golongan yang terdedah dengan bahaya penyalahgunaan dadah selaras dengan pernyataan Dasar Dadah Negara iaitu:

- (i) pendidikan pencegahan dalam institusi pendidikan;
- (ii) pendidikan pencegahan dalam keluarga;
- (iii) pendidikan pencegahan di tempat kerja; dan
- (iv) pendidikan pencegahan dalam komuniti.